


PEMOHON DINASIHATKAN MEMBACA DENGAN TELITI ARAHAN DI BAWAH SEBELUM MENGISI BORANG

- SILA GUNAKAN **PEN DAKWAT HITAM** DENGAN TERANG DAN JELAS DALAM HURUF BESAR
- SALINAN DOKUMEN HENDAKLAH MENGGUNAKAN **KERTAS SAIZ A4** DAN **DIKLIPKAN BERSAMA-SAMA** BORANG PERMOHONAN [TIDAK MENGGUNAKAN DAWAI KOKOT (*STAPLES*)]
- CAP IBU JARI HENDAKLAH DITURUNKAN DENGAN **TERANG DAN JELAS** MENGGUNAKAN **PAD CAP IBU JARI BERWARNA HITAM**
- PENGGUNAAN **CECAIR PEMADAM TIDAK DIBENARKAN** PADA BORANG PERMOHONAN DAN DOKUMEN SOKONGAN PENGELUARAN KWSP

1.0 SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL.	DOKUMEN UTAMA
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9B (AHL) Nota : Ahli tidak perlu mengisi Borang Permohonan KWSP 9B (AHL) kecuali bagi ahli bukan warganegara dan warganegara yang tiada MyKad iaitu pemegang kad pengenalan lama, kad pengenalan Polis / Tentera, pasport / permohonan yang dihantar menerusi pos / wakil ahli.
2.	Kad Pengenalan Diri (a) MyKad / Kad Pengenalan Tentera / Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) ATAU (b) Kad Pengenalan Polis DAN Surat Pengesahan Majikan menyatakan no. Polis dan no. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad/ Kad Pengenalan Polis yang tidak tertera no. Kad Pengenalan Diri ATAU (c) Pasport. Bagi ahli bukan warganegara Malaysia. Nota : <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia yang mengemukakan permohonan dari luar negara dan memohon bayaran secara Draf Bank Asing perlu mengemukakan dokumen tambahan iaitu salinan pasport yang masih sah laku • Salinan Kad Pengenalan tidak perlu sekiranya ahli pemegang MyKad dan Pengecaman Cap Ibu Jari ahli dengan Pengkalan Data KWSP atau Bacaan MyKad adalah padan. • Ahli yang tidak memiliki MyKad dan/atau dokumen permohonan melalui pos/ wakil masih perlu mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri masing-masing. • Salinan Kad Pengenalan PERLU di buat di kedua-dua bahagian (depan dan belakang) di atas sekeping kertas saiz A4 seperti contoh di bawah : <div style="text-align: center;">  </div>
3.	Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Ahli Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan ATAU Penyata Akaun Semasa ATAU Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun ATAU Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web. Nota : <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantik • Akaun bank mestilah yang masih aktif (Ahli digalakkan membawa buku akaun bank / penyata akaun bank / salinan akaun bank semasa membuat permohonan pengeluaran)
DOKUMEN TAMBAHAN	
1.	Permohonan Secara Pos <ul style="list-style-type: none"> • Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP 3)
2.	Bagi Pengeluaran Umur 50 / Umur 55 / Umur 60 Tahun, jika tarikh lahir ahli berbeza di antara Kad Pengenalan Diri dengan tarikh lahir sebenar, sila kemukakan : <ul style="list-style-type: none"> • Sijil Lahir ATAU Surat Pengesahan Kad Pengenalan dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

3.	<p>Bagi Pengeluaran Umur 50 Tahun / Umur 55 Tahun / Umur 60 Tahun jika ahli adalah bekas warganegara Malaysia yang menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1995, yang tidak dapat mengemukakan kad pengenalan diri atas sebab-sebab tertentu, perlu mengemukakan dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pasport • Sijil Kerakyatan • Lain-lain dokumen pengenalan diri
----	--

2.0 PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

- KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.
- Ahli dinasihatkan menyemak kelayakan di risalah pengeluaran / maklumat lanjut di laman web KWSP (myEPF) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan pengeluaran.
- Pengeluaran Umur 50 Tahun hanya boleh dibuat **sekali** sahaja bagi setiap ahli.
- Pengeluaran yang layak dibuat oleh ahli :-

JENIS PENGELUARAN	WARGANEGARA MALAYSIA	BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA	
		Menjadi Ahli sebelum Ogos 1998	Menjadi Ahli selepas Ogos 1998
Pengeluaran Umur 50 Tahun	✓	✓	✓
Pengeluaran Umur 55 Tahun (Penuh)	✓	✓	✓
Pengeluaran Umur 55 Tahun (Kombinasi)	✓	✓	✗
Pengeluaran Umur 60 Tahun (Penuh)	✓	✓	✓
Pengeluaran Umur 60 Tahun (Kombinasi)	✓	✓	✗
Simpanan Melebihi RM1 Juta	✓	✓	✓

- Kaedah Bayaran bagi Pengeluaran Umur 55 Tahun / Pengeluaran Umur 60 Tahun:-

	KELAYAKAN PENGELUARAN	WARGA NEGARA	BUKAN WARGANEGARA	
			Menjadi Ahli sebelum 1 Ogos 1998	Menjadi Ahli pada / selepas 1 Ogos 1998
1.	<p>Kesemua Simpanan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Boleh memohon pada bila-bila masa 	✓	✓	✓
2.	<p>Sebahagian Simpanan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada had amaun minimum • Boleh memohon pada bila-bila masa 	✓	✓	✗
3.	<p>Bayaran Bulanan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran minimum RM1,200.00 iaitu RM100.00 sebulan untuk sekurang-kurangnya 12 bulan • Had tempoh maksimum bayaran bulanan sehingga umur 100 tahun 	✓	✓	✗
4.	<p>Kombinasi (Sebahagian Simpanan dan Bayaran Bulanan) * Rujuk kelayakan item 2 & 3</p>	✓	✓	✗

5.	<u>Pengeluaran Dividen Tahunan</u>	✓	✓	✗
	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Bayaran Dividen Tahunan ke atas simpanan tahun sebelumnya secara sekaligus (lumpsum) 			
	<u>Bayaran Dividen secara Bulanan</u>			
	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran minimum RM600.00 iaitu RM100.00 sebulan untuk sekurang-kurangnya 6 bulan Tempoh bayaran minimum 6 bulan dan maksimum sehingga 12 bulan 			

6. Anggota Sektor Awam Di Bawah Skim Pencen Kerajaan

Bagi permohonan Pengeluaran Umur 55 Tahun / Umur 60 Tahun, ahli dinasihatkan untuk memastikan pengembalian syer kerajaan telah dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum permohonan dikemukakan. Ini bagi memastikan syer kerajaan dikembalikan kepada KWAP bagi pembayaran ganjaran dan pencen.

7. Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

8. Pertuduhan ahli bagi kes fraud/ Penipuan masih belum diselesaikan di mahkamah

KWSP berhak untuk menolak mana-mana permohonan bagi jenis pengeluaran yang sama sekiranya pertuduhan bagi kes ahli masih belum diselesaikan di mahkamah [Seksyen 59(1A), Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2016].

3.0 PENGESAHAN DOKUMEN

- Bagi serahan borang permohonan di kaunter KWSP, sila bawa bersama dokumen asal. Bagi permohonan secara pos, salinan dokumen yang telah disahkan oleh pegawai pengesah dibenarkan perlu disertakan

3.1 PEGAWAI PENGESAH DOKUMEN BAGI PERMOHONAN DALAM NEGARA

BIL.	DOKUMEN	NAMA PEGAWAI PENGESAH
1.	Salinan Kad Pengenalan Diri dan Dokumen-Dokumen Sokongan Lain	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai KWSP yang terdiri daripada : <ul style="list-style-type: none"> Pegawai KWSP Gred 18/ G5 dan ke atas Pegawai Kaunter KWSP Majikan Pemohon Ketua Kampung / Penghulu / Penggawa Jaksa Pendamai Peguam Pegawai Kerajaan / Badan Berkanun / Agensi Kerajaan Dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional Ahli Dewan Undangan Negeri / Ahli Parlimen Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) / Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP)

3.2 PEGAWAI PENGESAH DOKUMEN BAGI PERMOHONAN LUAR NEGARA

BIL.	DOKUMEN	NAMA PEGAWAI PENGESAH
1.	Semua Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> Kedutaan Malaysia Pesuruhjaya Tinggi / Konsulat Malaysia Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia Notari Awam ('Public Notary')

4.0 CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter **ATAU** melalui pos ke alamat berikut:

JABATAN PENGURUSAN TRANSAKSI
Menara KWSP,
No 1, Persiaran KWASA Utama,
KWASA Damansara, Seksyen U4,
40150 Shah Alam, Selangor

PANDUAN MENGISI BORANG INI ADALAH MERUJUK KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UTAMA DI DALAM BORANG PERMOHONAN

(RUANGAN C1) SENARAI NAMA BANK PANEL KWSP BAGI BAYARAN PENGKREDITAN TERUS KE AKAUN AHLI

Sila pilih salah satu sahaja nama bank daripada senarai Bank Panel KWSP yang menyediakan perkhidmatan Pengkreditan Terus seperti berikut :-

- | | | |
|---|--|-----------------------------------|
| • Affin Bank Berhad | • Bank Muamalat Berhad | • Maybank Berhad |
| • Agrobank Berhad | • Bank Simpanan Nasional | • OCBC Bank Berhad |
| • Alliance Bank Berhad | • CIMB Bank Berhad | • Public Bank Berhad |
| • Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad | • Hong Leong Bank Berhad | • RHB Bank Berhad |
| • AM Bank Berhad | • HSBC Amanah Malaysia Berhad | • Standard Chartered Bank Berhad |
| • Bank Islam Berhad | • HSBC Bank Berhad | • Standard Chartered Sadiq Berhad |
| • Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | • Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad | • United Overseas Bank Berhad |

(RUANGAN C3) SENARAI MATAWANG ASING YANG DIBENARKAN BAGI BAYARAN DRAF BANK ASING KEPADA AHLI

Sila pilih salah satu sahaja matawang asing daripada senarai berikut sekiranya ahli memilih bayaran secara Draf Bank Asing :-

- | | | |
|--------------------------|-------------------------|--------------------------|
| • Brunei Dollar (BND) | • Pakistani Rupee (PKR) | • Singapore Dollar (SGD) |
| • Hong Kong Dollar (HKD) | • Saudi Riyal (SAR) | |

(RUANGAN D3) PILIHAN BAYARAN - BAGI PENGELUARAN UMUR 55 TAHUN SAHAJA

Isi ruangan ini sekiranya memohon untuk Pengeluaran Umur 55 Tahun sahaja. Sila pilih dan tandakan **salah satu sahaja** sama ada pembayaran secara Semua Simpanan atau Pilihan Kombinasi.

(RUANGAN D4) MAKLUMAT PILIHAN KOMBINASI BAYARAN

Jika ahli memilih bayaran secara Pilihan Kombinasi, sila lengkapkan ruangan 1.a, 1.b, atau 1.c.

Jika ahli memilih 1.a (Pengeluaran Sebahagian) sahaja, sila lengkapkan ruangan 2.a (Maklumat Bayaran Sebahagian).

Jika ahli memilih 1.b (Bayaran Bulanan) sahaja, sila lengkapkan ruangan 2.b (Maklumat Bayaran Bulanan).

Jika ahli memilih kedua-duanya, sila lengkapkan ruangan 1.c (Jumlah Keseluruhan Amaun Pilihan Kombinasi Yang Dipohon), 2.a (Maklumat Bayaran Sebahagian) dan 2.b (Maklumat Bayaran Bulanan).

Sebagai contoh, sekiranya ahli memilih pilihan kombinasi bayaran secara 1.a. (Pengeluaran Sebahagian) sebanyak RM5,000.00 dan 1.b (Bayaran Bulanan) sebanyak RM2,000.00, maka Jumlah Amaun Keseluruhan Pilihan Kombinasi Yang Dipohon adalah sebanyak (RM5,000.00 + RM2,000.00) = RM7,000.00.

Isi ruangan seperti berikut :

R	M	0	0	0	0	7	0	0	0	0	0
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Jumlah Amaun Pilihan Kombinasi Yang di Pohon

Isi satu nombor untuk tiap-tiap satu ruangan. Nombor 'kosong' (0) di hadapan perlu diisi dalam semua ruangan yang tidak dipenuhi. Lengkapkan juga ruangan 2.a (Maklumat Bayaran Sebahagian) iaitu sebanyak RM5,000.00 dan 2.b (Maklumat Bayaran Bulanan) iaitu sebanyak RM2,000.00

Ruangan 2.a. Maklumat Bayaran Sebahagian (jika ada)

Isi ruangan ini dengan jumlah amaun pembayaran sebahagian yang diinginkan. Sebagai contoh, sekiranya ahli mempunyai simpanan RM500,000.00 dan ahli ingin menerima pembayaran sebahagian sebanyak RM260,000.00 sahaja dengan meninggalkan baki RM240,000.00 (RM500,000.00 – RM260,000.00) diterima secara pembayaran secara bulanan, isi ruangan berkenaan seperti berikut :

Jumlah Amaun Sebahagian

R	M	0	0	2	6	0	0	0	0	0	0
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Ruangan 2.b. Maklumat Bayaran Bulanan (jika ada)

Isi ruangan ini dengan jumlah amaun pembayaran secara bulanan yang diinginkan. Sebagai contoh, sekiranya ahli mempunyai simpanan RM100,000.00 dan ahli ingin memohon pengeluaran bayaran bulanan sebanyak RM1,000.00 sebulan untuk tempoh 60 bulan, (RM1,000.00 x 60 bulan = RM60,000), isi ruangan berkenaan seperti berikut :

i. **Jumlah Keseluruhan Amaun Dipohon**

R	M	0	0	0	6	0	0	0	0	0	0
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

ii. **Amaun Bayaran Bagi Setiap Bulan**

R	M	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

iii. **Tempoh Bayaran (Bulan)**

Isi ruangan ini dengan tempoh pembayaran bulanan yang dipersetujui. Tempoh maksima bulan hendaklah selaras dengan jumlah amaun yang dipilih untuk diterima oleh pemohon pada setiap bulan.

Tempoh Bayaran (Bulan)

0	6	0
---	---	---

iv. **Tarikh mula**

Isi ruangan ini dengan tarikh mula pembayaran bulanan yang dipersetujui.


v. **Tarikh akhir**

Isi ruangan ini dengan tarikh akhir pembayaran bulanan yang dipersetujui.


(RUANGAN E) PENGESAHAN PEMOHON

Sila tulis tarikh permohonan serta turunkan cap ibu jari kanan dan kiri pemohon. Cap ibu jari mestilah diturunkan dengan **TERANG DAN JELAS** dengan menggunakan **PAD CAP IBU JARI BERWARNA HITAM** di dalam ruangan yang disediakan seperti panduan di bawah.


CONTOH CAP IBU JARI YANG DITURUNKAN DENGAN BETUL DAN DITERIMA




✓ **BETUL**



✓ **BETUL**




✓ **BETUL**




✓ **BETUL**

CONTOH CAP IBU JARI YANG TIDAK DITURUNKAN DENGAN BETUL DAN TIDAK DITERIMA




✗ **SALAH**

Bahagian bawah jari selepas pusat tidak kelihatan




✗ **SALAH**

Jalur dan pusat jari tidak jelas



✗ **SALAH**

Penggunaan dakwat biru



✗ **SALAH**

Cap jari tidak penuh

